


# **MAMALIA SEMENANJUNG MALAYSIA**

OLEH

**MOHAMAD MOMIN KHAN**

KETUA PENGARAH  
JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR  
DAN TAMAN NEGARA  
SEMENANJUNG MALAYSIA

Cetakan Pertama 1992



Sumbangan gambar foto:

1. Harimau Belang oleh Steve Romo
2. Tapir oleh Fletcher

## Famili Rhinocerotidae

Badak Raya dan Badak Kerbau walaupun biasanya bersendirian tetapi kadang kala dijumpai berpasangan. Penglihatannya kurang baik tetapi hidung dan telinganya sangat sensitif kepada bau dan bunyi. Kedua-dua spesies ini selalu berkubang untuk berlindung pada waktu panas. Makanannya terdiri daripada berbagai jenis daun, ranting, buluh, pucuk-pucuk, tumbuh-tumbuhan dan kadang kala buah-buahan.

Pemburuan secara haram adalah di antara masalah yang menyebabkan populasi badak berkurangan. Tempoh kandungan badak adalah panjang dan ia jarang pula beranak. Ini mungkin kerana bilangannya kecil yang menyebabkan peluang untuk menemuinya sangat tipis. Kepercayaan bahawa sumbu badak sangat mujarab bagi mengubati penyakit lemah tenaga batin telah menyebabkan banyak badak dibunuh. Perniagaan sumbu badak secara besar-besaran telah berjalan di Negeri China sejak kurun yang ke sepuluh.

Daripada apa yang diketahui, badak sumbu merupakan spesies hidupan liar yang telah lama wujud. Cara hidupnya telah melalui evolusi yang lama yang dipercayai sangat sensitif. Gangguan atau ancaman daripada manusia boleh menyebabkan badak sumbu enggan membiak.

### Badak Raya

*Rhinoceros sondaicus* (Desmarest) — Javan Rhinoceros

**Taburan:** Pada masa lampau, Badak Raya dijumpai di Sikkim, India (Benggol dan Assam), Myanmar, Indochina, Semenanjung Malaysia, dan Indonesia (Sumatera dan Jawa). Sekarang ia cuma dijumpai di Jawa dan Indochina sahaja.

**Pengenalan:** Kulit badannya berkedut-kedut berwarna kelabu kehitaman. Badak Raya adalah lebih besar daripada Badak Kerbau yang terdapat di Malaysia. Kepalanya besar; kakinya pendek serta dampak. Matanya kecil dan lubang hidungnya besar. Badak ini mempunyai tiga kuku padu pada setiap kaki dan satu sumbu yang terletak di bahagian atas hidungnya. Sumbu badak hanyalah merupakan bahan rambut yang tersusun rapat dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Pegangan atau ikatan sumbu pada tulang tengkorak kepalanya tidak kuat. Kulit Badak Raya berkedut-kedut. Ia boleh dibezakan daripada badak kerbau dengan saiz yang lebih besar; mempunyai hanya satu sumbu; wujudnya tiga lipatan kulit yang tidak berputus melalui bahagian belakang iaitu, satu dihadapan dan satu lagi di belakang bahunya dan yang

ketiga di atas punggungnya. Badak Raya selalu ditemui bersendirian dan biasanya tidak agresif. Walaupun demikian, ia akan menyerang musuhnya apabila dalam kesakitan ataupun untuk menjaga keselamatan anaknya.

- Populasi: Lebih kurang 50 - 60 ekor sahaja yang tinggal di Jawa dan lebih kurang 30 ekor di Indocina. Di tempat-tempat lain badak ini telah pupus. Badak Raya yang terakhir hidup di Semenanjung Malaysia telah ditembak di Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan dalam tahun 1932 dan contohnya sekarang berada di Muzium British, London.
- Habitat: Badak ini suka pada kawasan yang berumput tinggi, atau yang terdapat pokok buah-buahan serta kawasan-kawasan hutan yang berpayau.
- Tabiat: Ia suka kepada air dan kerap mandi dan berkubang. Makanannya terdiri daripada rumput-rumput dan ranting-ranting. Ia mencari makan di waktu pagi dan petang.
- Ukuran: Kepala dan badan 248.9 - 474.9 mm.
- Pembiakan: Seekor anak dilahirkan setelah bunting selama 16 hingga 17 bulan.
- Subspesies: Kemungkinan *R.s. floweri*

## **Badak Kerbau**

*Dicerohinus sumatrensis* (Fischer) — Sumatran Rhinoceros

- Taburan: Badak Kerbau boleh didapati di Myanmar, Thailand, Semenanjung Malaysia, Indonesia (Sumatera) dan Pulau Borneo. Walaupun mempunyai taburan yang agak luas, spesies badak ini jarang dapat dilihat. Ia selalunya dijumpai di hutan-hutan tebal yang berbukit-bukau yang berhampiran dengan anak-anak sungai.
- Pengenalan: Lihat Gambar 10. Badak Kerbau mempunyai dua sumbu. Warnanya kelabu kehitaman dan kulitnya berkedut-kedut atau berlipat-lipat. Keliling matanya berbulu. Selain daripada sumbu, ianya boleh dibezakan daripada Badak Raya dengan dua lipatan kekal kulit melalui tulang belakang; satu dibahagian bahu dan yang kedua di bahagian belakang. Spesies ini juga berbulu lebih lebat daripada Badak Raya.
- Populasi: Populasi di Semenanjung Malaysia dianggarkan antara 120 - 140 ekor: Sabah 30 ekor, dan Sarawak 6 ekor.
- Pembiakan: Setelah bunting selama 16 hingga 17 bulan, seekor anak dilahirkan. Seekor badak yang bunting semasa ditangkap telah melahirkan anak selepas 469 hari dipelihara di dalam kurungan di Zoo Melaka.



Gambar 10 : Badak Kerbau

- Tabiat: Selalunya bersendirian atau bersama dengan anaknya. Boleh dijumpai di dalam semua jenis hutan termasuk gunung. Suka berkubang dan melawat sira.
- Ukuran: Badak Kerbau adalah spesies badak yang paling kecil di dunia. (6 spesimen) Kepala dan badan 241.9 - 259sm. ekor 49.5 - 57 sm. tulang kering 21.6 - 24 sm, telinga 19.5 - 20.4 sm.tinggi 110- 123 sm. Berat 502 -752 kg. Berat tubuh badan seekor anak yang dilahirkan dalam kurungan yang dicatitkan ialah 24 kg. Beratnya bertambah kepada 338 kg bila umurnya genap setahun; 466 kg bila ia berumur dua tahun dan 490 kg semasa ia berumur tiga tahun.<sup>49</sup> Tingginya juga bertambah dengan cepat. Ukuran diparas bahu bertambah dari 45 sm semasa dilahirkan kepada 103 sm setahun kemudian; 112.8 sm bila umurnya genap dua tahun dan 114 sm bila ia berumur tiga tahun.<sup>49</sup> Ukuran tapak kaki 17 - 24 sm. Mengikut Roland Ward, sumbu depan Badak Malaya yang paling panjang pernah dicatitkan ialah 38.1 sm dan yang belakang ialah 19.05 sm.
- Subspesies: *D. S. sumatrensis* (Fisher)*D. S. lasiotis* (Buckland)*D. S. harrisoni* (Groves)